

Tiada arah perjuangan, kata Mahathir

Pembangkok cacamerba

Oleh MANJA ISMAIL

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, barisan pembangkang dalam pilihanraya kali ini tidak boleh menjadi alternatif yang berwibawa kepada Barisan Nasional (BN) kerana mereka ketiadaan arah perjuangan.

Menurut Perdana Menteri, BN melawan satu pakatan pembangkang 'cacamerba' yang tidak ada arah perjuangan dan mempunyai calon daripada satu parti tetapi bertanding atas tiket parti lain.

"Saya tidak nampak barisan pembangkang boleh menjadi alternatif yang berwibawa kepada BN. Nampaknya kita melawan parti cacamerba, parti rojak yang mana ada orang Pas masuk Hamim bertanding sebagai calon Semangat 46.

"Manakala kumpulan Pandithan pula pakai simbol Semangat 46 di sesetengah kawasan dan lambang DAP di sesetengah tempat. Saya tidak tahu apa dia (pembangkang) nak buat.

"Kita kena tanya dialah. Mereka mesti membuat

keputusan. Kalau ini nak jadi alternatif kepada BN, mereka sekurang-kurangnya perlu ada sedikit kewibawaan. Ini tidak tentu arah," katanya menjawab soalan pemberita selepas melancarkan manifesto BN di sini hari ini.

Sehubungan itu, beliau yang juga Pengerusi BN, meragui bagaimana barisan pembangkang, Gagasan Rakyat dan Angkatan Perpaduan Ummah, membentuk kerajaan jika sebelum pilihanraya lagi, mereka keliru.

"Bayangkan kalau Tengku Razaleigh menyengerusikan Kabinet mereka. Dia duduk di tengah, Pas di sana menghadap ke lain, manakala DAP sebelah sini memandang ke lain arah sedangkan mereka berada dalam mesyuarat Kabinet. Macam mana mereka nak lakukan itu tetapi tidak dapat duduk semeja," kata Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, dakwaan Pas dan DAP kononnya mereka tidak bekerjasama dalam pilihanraya kali ini hanyalah satu sandiwara bagi mengelirukan rakyat untuk memancing undi orang Melayu dan Cina.

Menurutnya, kenyataan pemimpin kedua-dua parti itu dan Semangat 46, bahawa Pas dan DAP tidak bekerjasama atau duduk semeja, hanyalah pembongkaran, berdasarkan perletakan calon mereka semalam.

"Apa yang dikatakan tidak bercakap, sandiwara saja. Sebenarnya kita dapati di mana DAP bertanding, Pas tidak akan bertanding, manakala tempat mana Pas bertanding, DAP tidak meletakkan calon.

"Ini bermakna orang DAP akan menyokong Pas dan orang Pas menyokong DAP. Tetapi pemimpin parti itu mahu supaya penyokong mereka tidak tahu bahawa ada kerjasama.

"Mereka takut kalau DAP bekerjasama dengan Pas atau Semangat 46, maka orang Cina tidak akan menyokong DAP. Jadi mereka nak sembunyi itu daripada orang Cina dengan mengatakan DAP tidak bekerjasama dengan Pas, manakala Pas pula dakwa tidak bekerjasama dengan DAP.

"Tetapi kita tahu melalui perletakan calon menunjukkan bahawa mereka saling menyokong antara satu sama lain. Kita juga dapati bahawa ada orang Pas yang masuk Hamim menjadi calon Semangat 46. Jadi kita ini sandiwara," katanya.

Menurut Perdana Menteri, dalam keghairahan pembangkang bermain sandiwara bagi mengabui mata rakyat itu, mereka nampaknya keliru sehingga tidak mengemukakan satu manifesto tetapi 'macam-macam manifesto'.

"Jadi dia cakap dengan bahasa berlainan kepada orang tertentu. Percubaan mereka, umpamanya, untuk memancing orang Cina oleh Pas ialah

LIHAT MUKA 2

11001 Kerjasama hanya sandiwara: Mahathir

DARI MUKA 1

dengan memberitahu pemberita akhbar Cina bahawa mereka akan gugurkan hasrat untuk dirikan negara Islam.

"Malangnya, dalam Malaysia ini kita tidak boleh bercakap kepada satu kaum tanpa didengari oleh kaum lain. Apabila hasrat itu disiarkan oleh akhbar Melayu, mereka nafikan.

"Jadi ini adalah satu strategi mereka untuk mendapat sokongan. Mereka juga bermain sandiwara kononnya tidak ada kerjasama di antara Pas dan DAP. Ini sebenarnya bohong," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir yakin BN mampu memenangi sekurang-kurangnya dua pertiga daripada jumlah kerusi Parlimen berdasarkan kedudukan pembangkang yang ketiadaan arah itu.

Sebaliknya, kata beliau, BN hanya ada satu manifesto yang menandakan parti-parti komponennya mempunyai satu matlamat dan tidak ada kekeliruan dalam perjuangan dan pendekatannya untuk memberikan kemajuan yang lebih kepada Malaysia.

Mengenai pencalonan semalam yang menunjukkan paling banyak pertandingan dua penjur, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, keadaan itu memberi peluang kepada rakyat menggunakan hak mereka untuk memilih calon.

Beliau juga berkata, pembangkang sebenarnya ketiadaan isu dalam pilihanraya kerana kerajaan BN membuktikan pentadbirannya selama ini baik, manakala semua projek yang dahulu dianggap kononnya membazir, sekarang mencapai kejayaan.

"Kita telah mentadbir negara supaya ia menjadi maju dan makmur. Soal isu Jambatan Pulau Pinang? Tengok sekarang betapa baik jambatan itu. Semua rancangan kerajaan mencapai kejayaan termasuk dasar penswastaan dan persyarikatan Malaysia," katanya.